

## **Kajian Persepsi Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Terhadap Latihan Khas (Kluster Pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka**

Najdiah Aris

Kolej Komuniti Masjid Tanah  
najdiaharis@gmail.com

Raudhah Noora'ariffah Abu Bakar

Kolej Komuniti Masjid Tanah  
raudhahariffah@gmail.com

Norfadzilah Mohamad

Kolej Komuniti Masjid Tanah  
norfadzilahmohamad350601@gmail.com

### **Abstract**

*Clustered Computer Program Special Training is one of the special course organized by Masjid Tanah Community College (KKMT) that highly on demand by the local community. In order to ensure that KKMT fulfil the participants' satisfaction, a research was conducted to identify the level of participants' perception towards this particular training based on gender. Data collected from 111 participants in this research were analyzed using Statistical Package for Social Science Software version 23.0 (SPSS) to obtain mean scores, T-tests and Pearson correlation results. For the purpose of the study, questionnaire developed by the Centre for Research, Innovation and Commercialization of the Department of Education and Community College was adopted as the data collection instrument. The result shows that participants' perceptions of all aspects were high with a mean score of 4.05 and gender  $p$ -value  $> 0.05$ , indicating that gender factors did not influence participants' perceptions of the course. Thus, correlation value indicates that there is a weak relationship between participants' perceptions towards this course based on gender. Hence, the outcome of the study reveals that the training course is positively perceived by the participants on the educational, social, economy and community leadership's aspects regardless of genders. Therefore, a future study in the same area can be conducted to identify whether other attributes such as participants' age can influence their perception towards the course.*

**Keywords:** *special training, community college, local community*

### **Abstrak**

Latihan khas (kluster pengkomputeran) merupakan salah satu latihan khas yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) dan sering mendapat sambutan daripada komuniti setempat. Bagi menjamin KKMT sentiasa memberikan kepuasan yang terbaik kepada para peserta, maka kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap persepsi peserta terhadap latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan jantina. Seramai 111 orang peserta yang terlibat di dalam kajian ini, data dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Science Software version 23.0 (SPSS) bagi mendapatkan skor min, ujian t dan korelasi pearson. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti. Hasil kajian menunjukkan tahap persepsi peserta bagi kesemua aspek pada tahap tinggi dengan purata skor min 4.05 dan nilai signifikan ( $p$ ) mengikut jantina bagi kesemua aspek adalah lebih besar daripada 0.05, ini menunjukkan faktor jantina tidak mempengaruhi

tahap persepsi peserta di dalam kursus. Nilai korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah diantara persepsi peserta kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan jantina. Kajian membuktikan bahawa kursus ini telah memberikan persepsi yang baik dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti kepada para peserta dan ia tidak dipengaruhi oleh faktor jantina. Kajian seterusnya boleh dilihat sama ada peringkat umur mampu mempengaruhi tahap persepsi peserta.

**Kata kunci:** latihan khas, kolej komuniti, komuniti setempat

## **1.0 Pengenalan**

Kolej Komuniti merupakan salah satu sistem pendidikan Malaysia di bawah pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kolej Komuniti juga merupakan institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat termasuklah memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan peringkat yang lebih tinggi. KKMT yang dulunya dikenali sebagai Kolej Komuniti Alor Gajah adalah merupakan salah satu Kolej Komuniti yang terdapat di Malaysia dan berada di bawah pengurusan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (Norfadzilah Mohamad et al, 2017).

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat khususnya orang dewasa dan ia dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat memperbaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pambinaan sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan. Menurut Pelan Induk PSH Peringkat Nasional, (2010-2020), Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan tonggak ke 3 selepas pendidikan peringkat sekolah dan peringkat tertiary (KPT 2007). Menurut (Hargreaves,2004; Aspin et al,2001; Gelph, E.1995) PSH boleh dilakukan dalam pelbagai konteks dan situasi mengikut semua peringkat umur dan tempoh hayat dan ia merupakan salah satu proses dalam memperkayakan modal intelek yang menjadi sebahagian daripada cara hidup.

Antara persepsi yang dikaji adalah dari segi aspek pendidikan iaitu di mana adakah peserta yang mengikuti kursus latihan khas ini merasakan kursus yang dijalankan terutamanya dalam kluster pengkomputeran dapat memberikan kesedaran tentang kepentingan pendidikan sepanjang hayat dan mempelbagaikan kemahiran individu dalam pelbagai bidang serta meningkatkan pengetahuan teknologi mereka berdasarkan modul pembelajaran. Manakala dari aspek sosial, persepsi peserta dikaji dari segi adakah kursus ini dapat melahirkan modal insan yang sempurna dan dapat meningkatkan sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup keluarga serta meningkatkan perpaduan dan mengeratkan hubungan sillaturrahim antara kaum.

Selain daripada itu, dari segi aspek ekonomi antara item yang dikaji adakah kursus kluster pengkomputeran ini dapat membudayakan keusahawanan dan meningkatkan ekonomi setempat dimana ia dapat membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Aspek ekonomi ini juga dilihat sama ada ia boleh memberikan pendedahan ataupun

pengetahuan dalam meluaskan pasaran melalui pemasaran digital. Seterusnya dari aspek kepimpinan komuniti, persepsi para peserta kursus latihan khas (pengkomputeran) dikaji dari sudut adakah kursus yang dijalankan dapat memupuk sifat kepimpinan kepada komuniti serta dengan adanya kursus ini di Kolej Komuniti Masjid Tanah dapat mewujudkan dan menyokong kerjasama antara komuniti dengan agensi setempat.

### **1.1 Latar belakang**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dapat dilihat sebagai satu pendekatan yang dapat memberi peluang pembelajaran kepada seseorang secara berterusan dan lebih fleksibel. Ia merupakan platform yang lebih meluas dan menyeluruh berkaitan dengan kompetensi yang hendak diasah bagi mempersiapkan individu menghadapi tuntutan alam pekerjaan (Norfadzilah Mohamad et al, 2017).

Konsep PSH yang membolehkan sesiapa sahaja menimba ilmu tanpa mengira batasan umur dan kelayakan akademik merupakan antara punca kesedaran tentang pendidikan telah meningkat (KKMT 2018). KPI bilangan peserta kursus pendek yang diperolehi oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah sejak tahun 2017 adalah seramai 4437 dan pada tahun 2019 lebih 5000 orang peserta ini menunjukkan Kolej menerima permintaan yang tinggi terhadap kursus yang ditawarkan.

Kursus latihan khas kluster pengkomputeran merupakan salah satu kursus yang biasa dianjurkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah dan antara kursus-kursus tersebut adalah kursus Latihan Khas Microsoft Office (Word, Excel, Powerpoint), kursus Latihan Khas penggunaan Shoppe (online marketing), kursus Latihan Khas Adobe Photoshop, kursus Latihan Khas Video editing (Filmora), kursus Latihan Khas Autocad dan lain-lain lagi. Ini merupakan antara kursus-kursus yang dikaji dari segi persepsi peserta kursus latihan khas (kluster pengkomputeran).

### **1.2 Penyataan masalah**

Dalam pelaksanaan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terutamanya yang dijalankan oleh Kolej Komuniti di bawah Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah penting bagi mengetahui apakah tahap persepsi dan maklumbalas daripada peserta kursus yang mengikuti kursus-kursus yang dijalankan terutamanya di dalam latihan khas (kluster pengkomputeran). Ini merupakan salah satu langkah penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan tahap persepsi para peserta berada di tahap yang memuaskan dan baik. Menurut Mason dan Bruning (2001) dan Mory (1996), maklum balas dikatakan berkesan atau efektif sekiranya ia dapat membantu pelajar mengenalpasti kekurangan, salah tanggapan dan membentuk semula pengetahuan mereka. Selain itu maklum balas juga membantu pelajar menentukan jangkaan pencapaian, mengenalpasti apa yang mereka pelajari dan apa yang mampu mereka lakukan serta memantau perkembangan pembelajaran mereka secara peribadi. Ia juga mampu menyokong ke arah sasaran pencapaian atau matlamat yang hendak mereka capai.

Justeru, penyelidikan ini akan mengenalpasti tahap persepsi komuniti setempat dalam membantu melahirkan masyarakat yang berkemahiran dalam aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti supaya

hasilnya nanti akan dapat dijadikan sebagai input untuk meningkatkan lagi keberkesanan kursus latihan khas kluster (pengkomputeran).

### **1.3 Objektif kajian**

- i. Mengenalpasti tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka.
- ii. Mengenalpasti perbezaan tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka berdasarkan jantina.
- iii. Mengenalpasti hubungan di antara tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka berdasarkan jantina.

### **1.4 Persoalan kajian**

- i. Apakah tahap persepsi peserta kursus terhadap latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka?
- ii. Apakah perbezaan tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka berdasarkan jantina?
- iii. Apakah hubungan di antara tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka berdasarkan jantina?

## **2.0 Kajian literatur**

Menurut Mohd Hafiz, Fareen Wong dan Mohd Azhar (2016) latihan dilihat mampu meningkatkan prestasi kerja seseorang individu, keberkesanan latihan yang dijalankan masih perlu dikaji. Latihan merupakan satu proses pembangunan sumber tenaga manusia dalam sesebuah organisasi (Abdul Latif dan Maimunah, 1997). Manakala menurut Al Yahya dan Norsiah (2013), latihan mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja dan seterusnya meningkatkan prestasi pekerja. Selain itu, kajian terhadap keberkesanan juga dilihat sebagai salah satu keadah untuk mengenalpasti kekurangan dan seterusnya memperbaiki kekurangan tersebut dengan melakukan penambahbaikan (Goldstein dan Ford, 2002).

Berdasarkan Model Kirpatrick (1998), salah satu kaedah untuk mengukur keberkesanan kursus adalah dengan mengenalpasti penerimaan peserta terhadap program tersebut. Perubahan pengetahuan ekonomi secara global, teknologi yang pantas dan maju, perubahan persekitaran tempat kerja dan persaingan yang sengit dalam sektor pekerjaan menyebabkan pembelajaran sepanjang hayat perlu diperkasakan dan dilaksanakan tanpa mengira jantina, usia, pekerjaan dan bidang yang diceburi. (Norfadzilah Mohamad et al, 2017).

Persekitaran tempat kerja yang berubah dan menuntut setiap pekerja untuk meningkatkan prestasi merupakan salah satu punca pembelajaran sepanjang hayat ini menjadi pilihan dalam meningkatkan prestasi dan menghadapi perubahan arus globalisasi dan perubahan persekitaran kerja yang moden. Pertumbuhan penduduk di Malaysia, perubahan teknologi yang pintar serta tekanan daripada ledakan globalisasi menjadikan proses pembelajaran sepanjang hayat menjadi semakin penting di Malaysia. (Mohamed Rashid Navi Bax dan Mohd Nasir Abu Hassan, 2005).

### **3.0 Metodologi kajian**

#### **3.1 Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian persepsi berbentuk deskriptif. Pemilihan kaedah dibuat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah yang mempengaruhi tahap persepsi kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) terhadap peserta kursus di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

**Jadual 1:** Aspek kajian tahap persepsi komuniti setempat

<b>Aspek</b>	<b>Item</b>
Pendidikan	Memberi kesedaran tentang pendidikan
	Peningkatan kemahiran
	Peningkatan pengetahuan teknologi
Sosial	Melahirkan modal insan yang sempurna
	Meningkatkan sosio-ekonomi
	Meningkatkan perpaduan
Ekonomi	Membudayakan Keusahawanan
	Peningkatan Ekonomi Setempat
	Pendedahan pemasaran digital
Kepimpinan Komuniti	Memupuk sifat kepimpinan
	Kerjasama agensi setempat

Borang soal selidik ini telah disediakan oleh Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Ia terbahagi kepada 4 aspek utama dalam mengkaji tahap persepsi komuniti setempat terhadap program pembelajaran hayat (PSH) di Kolej Komuniti. Jadual 1 menunjukkan aspek kajian tahap persepsi komuniti setempat.

#### **3.2 Populasi**

Populasi kajian ini adalah merupakan komuniti setempat yang menyertai Kursus Latihan Khas (kluster pengkomputeran) yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka. Seramai 111 orang peserta telah mengambil dan mendaftar latihan khas ini daripada bulan Januari sehingga April 2019 dan kajian telah mengambil kesemua peserta kursus sebagai responden.

Jadual 2 menunjukkan perincian dapatan analisis bagi profil demografi responden. Sebanyak 111 responden diperolehi dan dianalisa dalam kajian ini. Dari aspek jantina, lelaki merupakan golongan yang lebih tinggi mencatatkan penyertaan bagi kursus kluster perkomputeran dengan memegang sebanyak 70.3 peratus, manakala 29.7 peratus adalah responden perempuan.

Jadual 2 juga menyenaraikan pecahan kumpulan peserta kursus ini daripada jumlah segi umur dan terbahagi kepada 3 golongan remaja, belia dan dewasa. Daripada ketiga-tiga kumpulan ini peserta remaja adalah golongan yang paling tinggi menyertai kursus dalam kluster ini iaitu sebanyak 64 peratus, diikuti oleh belia 27.0 peratus dan dewasa 9.0 peratus.

Dari segi penyertaan bangsa juga dapat dilihat Bangsa Melayu adalah peserta yang paling banyak mengikuti latihan khas dalam kluster ini iaitu sebanyak 95.5 peratus diikuti bangsa India 2.7 peratus dan lain-lain bangsa sebanyak 1.9 peratus.

**Jadual 2:** Profil demografi responden

<b>Profil</b>	<b>Demografi</b>	<b>Frekuensi %</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	78	70.3
Perempuan	33	29.7
<b>Umur</b>		
Remaja	71	64.0
Belia	30	27.0
Dewasa	10	9.0
<b>Bangsa</b>		
Melayu	106	95.5
India	3	2.7
Lain-lain	2	1.8

### **3.3 Instrumen kajian**

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik telah dipilih. Struktur soal selidik yang digunakan pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A mengandungi item berkaitan dengan demografi dan terdiri daripada 7 item. Item yang dibina adalah berbentuk pilihan di mana responden perlu membuat pilihan jawapan yang sesuai berdasarkan pernyataan item.

Bahagian B pula terdiri daripada 11 item yang terbahagi kepada 4 aspek iaitu pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Dalam bahagian ini, responden diminta untuk menjawab item berdasarkan skala likert lima mata.

### **3.4 Pengumpulan dan analisis data**

Dalam kajian ini, data telah dianalisis dengan menggunakan statistical package for social science software version (SPSS) versi 23.0. Kajian ini telah menggunakan interpretasi skor min yang telah dirumuskan oleh Nunnally & Bernstein (1994) bagi menjawab persoalan kajian tahap persepsi peserta terhadap kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) di KKMT.

**Jadual 3:** Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

#### 4.0 Keputusan dan perbincangan

Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 23.0 untuk mendapatkan hasil dapatan min dan ujian t serta nilai korelasi.

#### 4.1 Mengenalpasti tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka

Jadual 4 di atas merupakan nilai min dan sisihan piawai tahap persepsi peserta kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) yang diperolehi mengikut aspek, secara keseluruhannya, berdasarkan kepada interpretasi skor min Nunnally & Bernstein (1994) nilai min kesemua aspek memberikan interpretasi tinggi dan nilai sisihan piawai memberikan taburan skor data yang baik.

**Jadual 4:** Tahap persepsi peserta kursus terhadap latihan khas (kluster pengkomputeran) mengikut aspek

Aspek	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pendidikan	111	4.07	0.702	Tinggi
Sosial	111	4.08	0.612	Tinggi
Ekonomi	111	4.05	0.583	Tinggi
Kepimpinan Komuniti	111	4.03	0.679	Tinggi

#### 4.2 Mengenalpasti perbezaan tahap persepsi peserta terhadap latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah berdasarkan jantina

Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap persepsi peserta lelaki dan peserta perempuan terhadap latihan khas (kluster pengkomputeran) bagi kesemua aspek Berdasarkan Jadual 5 didapati nilai signifikan mengikut jantina bagi aspek pendidikan adalah  $p=0.541$  di mana nilai tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05$  ( $p>0.05$ ). Menurut Creswell JW (1994), tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peserta kursus. Begitu juga dengan nilai signifikan bagi aspek sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti kesemua nilainya ada lebih besar daripada  $0.05$  ( $p>0.05$ ), menunjukkan tiada perbezaan tahap persepsi di antara peserta lelaki dan perempuan. Jadual 6 menunjukkan nilai korelasi, hubungan Pearson (Cohen, 1988).

**Jadual 5:** Tahap persepsi peserta kursus terhadap latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan jantina

Aspek	Jantina	N	Tahap Signifikan	Nilai t	Nilai df
Pendidikan	Lelaki	78	0.541	-1.171	109
	Perempuan	33		-1.376	89.22
Sosial	Lelaki	78	0.945	-0.836	109
	Perempuan	33		-0.912	74.12
Ekonomi	Lelaki	78	0.490	-0.903	109
	Perempuan	33		-0.935	65.29
Kepimpinan Komuniti	Lelaki	78	0.920	-0.905	109
	Perempuan	33		-0.991	74.92

**Jadual 6:** Nilai korelasi, hubungan Pearson

<b>Julat Korelasi</b>	<b>Kekuatan hubungan</b>
0.10 hingga 0.29	Lemah
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.50 hingga 1.00	Kuat

Sumber: (Cohen, 1988)

#### **4.3 Mengenalpasti hubungan di antara tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka berdasarkan jantina.**

Jadual 7 menunjukkan keputusan Ujian Korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara tahap persepsi daripada keempat-empat aspek (pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti) peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah berdasarkan jantina. Hasil ujian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah di antara persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan jantina.

**Jadual 7:** Hubungan antara persepsi dari aspek kajian

<b>Aspek</b>	<b>N</b>	<b>Nilai Korelasi Pearson, r</b>	<b>Hubungan</b>
Aspek pendidikan	111	0.111	Lemah
Aspek sosial	111	0.080	Lemah
Aspek ekonomi	111	0.086	Lemah
Aspek kepimpinan komuniti	111	0.086	Lemah

#### **5.0 Rumusan dan cadangan**

Tahap persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran) dari aspek pendidikan, aspek sosial, aspek ekonomi dan aspek kepimpinan komuniti adalah tinggi. Ini menunjukkan peserta bersetuju bahawa latihan khas pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti Masjid Tanah dapat memberikan kesedaran tentang pentingnya pendidikan sepanjang hayat justeru dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka berkaitan dengan teknologi terkini. Selain itu kursus latihan khas ini berupaya melahirkan modal insan yang sempurna, meningkatkan sosio-ekonomi dan meningkatkan perpaduan antara komuniti serta memupuk sifat kepimpinan dan kerjasama antara agensi setempat. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara peserta kursus latihan khas lelaki dan peserta kursus perempuan terhadap persepsi kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) yang diadakan di Kolej Komuniti Masjid Tanah. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tahap persepsi peserta di dalam kursus. Melalui ujian Korelasi Pearson, terdapat hubungan yang lemah diantara persepsi peserta kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan jantina, di mana tahap persepsi peserta ada mempunyai hubungan tetapi lemah sama ada mereka peserta lelaki mahupun peserta perempuan.



Kajian ini telah membuktikan bahawa kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) yang telah dijalankan di Kolej Komuniti Masjid Tanah telah memberikan persepsi yang baik dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti kepada para peserta sama ada komuniti mahupun pelajar sekolah. Selain daripada itu, persepsi para peserta ini tidak dipengaruhi oleh faktor jantina iaitu sama ada peserta lelaki mahupun perempuan. Rata-rata peserta sama ada lelaki mahupun perempuan memberikan persepsi yang sama bagi kesemua aspek yang dikaji. Ini jelas menunjukkan daripada ujian Korelasi Pearson, tiada hubungan yang kuat di antara persepsi peserta kursus latihan khas (kluster pengkomputeran) berdasarkan jantina. Kajian seterusnya mungkin juga boleh dilihat sama peringkat umur responden mampu mempengaruhi perbezaan persepsi dan juga hubungan antara persepsi peserta latihan khas (kluster pengkomputeran).

## **Rujukan**

Abdul Malik, Nurliyana; Ismail, Izariani; Nasuka, & Siti Nurlaili. (2017) Persepsi peserta kursus pendek terhadap kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti Masjid Tanah. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*.

Ahmad Rosli. (2009). *Keselarasan personaliti kerjaya dengan program pengajian pelajar Politeknik Kota Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana.

AlYahya, M. S., Norsiah, M. (2013). Evaluation of effectiveness of training and development: the kirkpatrick model. *Asian Journal of Business and Management Sciences*, 2 (11), 14 - 24.

Bernamea, (2015). *Kolej Komuniti berjaya lahir tenaga separa mahir*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kolej-komuniti-berjaya-lahir-tenaga-separa-mahir-1.441289>.

Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum

Creswell JW. 1994. *Research design quantitative and qualitative approach*. London: Sage Publication.

Goldstein, I. L. & Ford, J. K. (2003). *Training in organization: need assessment development and evaluation* (4<sup>th</sup> Ed.). WARDSWORTH.

JPKK (2011). *Buku panduan pelaksanaan psh edisi 2012 dan laporan pemantauan keserakanan program latihan 1Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

Kirkpatrick, D. (1998). *Evaluating training kursus: four levels. in the hidden power of kirkpatrick's four levels*. San Francisco: Berette Koehler.

Mason, J. & Bruning, R. (2001). *Providing feedback in computer based instruction: what the research tell us*. Retrieved from <http://dwb.unl.edu/Edit/MasonBruning.html>.

Mohd Haffiz Zainal Abidin (2016). Kajian terhadap keberkesanan kursus kawalan proses dan instrumentasi kepada peserta kursus Pendek Kolej Komuniti Paya Besar. *Journal Of Technical And Vocational Education*, 1(2), 11-19

Mohamed Rashid Navi Bax dan Mohd Nasir Abu Hassan. (2003). *lifelong learning in malaysia*. International Policy Seminar

Norfadzilah Mohamad, Hasnurul Nazimah Hashim & Nor Lizam Rajulan (2017). Kajian kepuasan peserta kursus pembelajaran sepanjang hayat (psh) terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 1, 101 – 112

Nunnally, J.C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York : McGraw-Hill.